Dalam konteks pendidikan khas, (MBPK) menghadapi cabaran unik dalam menguasai kemahiran pengurusan diri, terutamanya di peringkat Tahun 1 dalam KSSR Semakan 2017. Penekanan dalam DSKP Pengurusan Diri terbahagi kepada lima komponen utama dalam cakupan kandungan, iaitu (i) Kemahiran Kendiri, (ii) Kebersihan, Kesihatan dan Keselamatan, (iii) Penggunaan Tandas dan Bilik Mandi, (iv) Pengurusan Tempat Tinggal, dan (v) Adab dan Tatasusila. Setiap komponen ini bertujuan untuk mengembangkan kemahiran asas yang diperlukan untuk memastikan MBPK dapat menjalani kehidupan seharian dengan lebih berdikari dan berfungsi dalam masyarakat.

Namun begitu, kajian yang dijalankan oleh Razak (2018) dan Noraini (2020) menunjukkan bahawa terdapat kesukaran dalam pengukuran dan penilaian penguasaan murid dalam aspek pengurusan diri ini. Kaedah penilaian yang sedia ada seperti pemerhatian, senarai semak, dan soal selidik yang digunakan oleh guru-guru pendidikan khas di Malaysia masih belum mencukupi dan tidak dapat menguasai keseluruhan spektrum penguasaan kemahiran murid. Kajian oleh Sulaiman & Hassan (2019) menunjukkan bahawa penilaian melalui pemerhatian atau senarai semak sering kali bersifat subjektif dan tidak mencerminkan perkembangan sebenar murid yang mempunyai keperluan pembelajaran yang kompleks. Hal ini mengakibatkan kelemahan





dalam merancang intervensi yang bersesuaian, serta menghambat perkembangan kemahiran pengurusan diri yang optimum.

Isu pengagihan guru pendidikan khas yang berkeleyakan di seluruh Malaysia masih menghadapi cabaran, terutamanya dalam menyediakan sokongan yang seimbang di seluruh negara. Di beberapa kawasan, terdapat keperluan untuk memastikan bahawa guru-guru yang mengajar MBPK menerima latihan yang mencukupi dalam mengadaptasi Pendekatan Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK-21). Pendekatan ini adalah penting bagi memastikan pengajaran yang lebih dinamik, berpusatkan murid, dan mengintegrasikan teknologi dengan berkesan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Dengan adanya latihan berterusan dan sokongan profesional kepada semua guru, keupayaan untuk melaksanakan KSSR Semakan 2017 dengan lebih berkesan dapat dipertingkatkan.



Berdasarkan analisis ini, kajian ini bertujuan untuk membangunkan instrumen pengurusan diri yang lebih sistematik, objektif, dan berasaskan kepada konstruk yang jelas dan relevan dengan DSKP Pendidikan Khas Semakan 2017. Instrumen ini akan merangkumi aspek-aspek yang terkandung dalam kemahiran sendiri dan adab tatasusila, yang memainkan peranan penting dalam membentuk keupayaan murid untuk mengurus diri dengan baik, selain memudahkan guru dalam menilai penguasaan kemahiran yang terdapat dalam kurikulum. Instrumen ini juga diharap akan memperkenalkan elemen visualisasi yang berfungsi untuk menggalakkan murid berinteraksi dengan item pembelajaran secara lebih mendalam. Teknik ini berasaskan teori Pembelajaran Sosial Bandura (Bandura, 1997), yang menegaskan bahawa pembelajaran berlaku melalui pemerhatian dan penglibatan aktif. Dalam konteks ini,





gambar dan aktiviti mewarna akan digunakan untuk meningkatkan interaksi dan pemahaman murid terhadap kemahiran yang sedang diajarkan.

Instrumen ini juga akan membantu dalam membuat saringan terhadap MBPK yang menguasai kemahiran pengurusan diri, sekaligus memperbaiki ketepatan dalam menilai tahap penguasaan murid. Hal ini penting kerana, dengan menggunakan instrumen berbentuk ujian yang disertakan dengan gambar visual, kita dapat mengukur kemahiran pengurusan diri secara lebih tepat dan menyeluruh. Kajian oleh Sulaiman & Hassan (2019) menunjukkan bahawa penggunaan gambar dalam penilaian pendidikan khas terbukti lebih efektif dalam meningkatkan daya ingatan dan pemahaman murid, terutamanya bagi mereka yang mempunyai kesulitan dalam penguasaan bahasa.



Selain itu, instrumen pengurusan diri ini akan menyokong proses pengajaran berasaskan hasil (*outcome-based education*, OBE) yang digariskan dalam KSSR Semakan 2017. Dengan adanya alat penilaian yang lebih sistematik, guru-guru dapat merancang intervensi yang lebih tepat dan berkesan, serta memastikan bahawa MBPK dapat mencapai tahap penguasaan yang sepatutnya dalam pengurusan diri.

Secara keseluruhannya, kajian ini bukan sahaja akan memberikan sumbangan yang besar dalam memajukan kaedah penilaian pengurusan diri di Malaysia, tetapi juga akan memberi impak positif dalam meningkatkan kualiti pendidikan khas secara keseluruhan. Selain itu, hasil daripada kajian ini akan menyediakan satu instrumen yang boleh diukur (*measurable instrument*) yang boleh digunakan secara praktikal oleh guru-guru di sekolah-sekolah untuk menilai dan memantau penguasaan kemahiran Pengurusan Diri murid MBPK. Instrumen ini juga dapat dimanfaatkan untuk





meningkatkan keberkesanan pendidikan khas di Malaysia dengan menyediakan alat penilaian yang lebih tepat, telus, dan menyeluruh, serta dapat diguna pakai untuk tujuan penambahbaikan kurikulum pada masa hadapan.

### 1.3 Pernyataan Masalah

Pendidikan khas di Malaysia menghadapi cabaran besar dalam memastikan MBPK menguasai kemahiran pengurusan diri yang penting bagi kelangsungan hidup mereka. Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) yang telah disemak semula pada 2017 (KSSR Semakan 2017) menyediakan struktur kurikulum yang lebih holistik untuk memastikan MBPK dilengkapi dengan kemahiran penting dalam kehidupan seharian mereka, termasuk pengurusan diri. Namun, pelaksanaan penilaian terhadap penguasaan pengurusan diri dalam kalangan MBPK masih kurang berkesan dan menghadapi banyak kekangan. Salah satu masalah utama adalah penggunaan instrumen penilaian yang tidak mencukupi untuk mengukur tahap penguasaan murid terhadap setiap komponen pengurusan diri yang digariskan dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP). Kajian terdahulu oleh Jamilah (2018) menunjukkan bahawa instrumen berbentuk ujian yang mengintegrasikan elemen gambar visual dapat membantu murid lebih memahami kemahiran yang diuji, namun instrumen ini masih jarang digunakan dalam pendidikan khas.

Dalam kajian lepas di Malaysia, kebanyakan guru pendidikan khas lebih cenderung untuk menggunakan senarai semak sebagai instrumen penilaian utama. Walaupun perkara ini memberikan pandangan umum mengenai tahap penguasaan





murid, ia tidak mencerminkan dengan tepat kemampuan mereka dalam kemahiran pengurusan diri yang lebih kompleks. Khairul (2019) mendapati bahawa instrumen berbentuk ujian yang menggunakan gambar sebagai alat bantu visual dapat meningkatkan kemahiran visual MBPK, yang lebih mudah diakses dan difahami berbanding dengan instrumen penilaian tradisional. Ini menunjukkan bahawa instrumen berbentuk ujian ini penting kerana ia menyediakan penilaian yang lebih objektif, menyeluruh, dan dapat mengukur secara lebih tepat tahap kemahiran pengurusan diri murid berbanding dengan senarai semak atau pemerhatian sahaja.

Namun, penggunaan instrumen berbentuk ujian masih jarang dilakukan dalam pendidikan khas. Sebagai contoh, kajian oleh Fazlin (2017) menyatakan bahawa 75% guru pendidikan khas mengakui kurangnya pemahaman terhadap komponen KSSR Semakan 2017, terutamanya dalam mengintegrasikan elemen-elemen kurikulum yang berbeza ke dalam pengajaran mereka. Hal ini berlaku kerana kurangnya pendedahan dan latihan yang mencukupi mengenai cara-cara melaksanakan kurikulum yang telah disemak semula. Affan (2018) pula menegaskan bahawa sebahagian besar guru masih menggunakan instrumen lama yang tidak sesuai dengan perubahan dalam kurikulum, dan ini menyebabkan ketidaksesuaian antara instrumen penilaian dan KSSR Semakan 2017, yang mengakibatkan penilaian yang tidak menyeluruh terhadap kemahiran MBPK.

Jika dibandingkan dengan amalan luar negara, terdapat beberapa negara yang telah melaksanakan pendekatan yang lebih efektif dalam penilaian pendidikan khas. Di Australia, kajian oleh Green (2018) menunjukkan bahawa penggunaan instrumen





berbentuk ujian berasaskan visual telah memperlihatkan peningkatan dalam pemahaman MBPK dalam kemahiran pengurusan diri. Di Amerika Syarikat, Zhang et al. (2019) menyatakan bahawa penggunaan ujian yang dilengkapi dengan gambar dan simulasi interaktif telah meningkatkan kemahiran kognitif dan pengurusan diri murid pendidikan khas, menjadikannya lebih mudah untuk menilai kemahiran mereka secara objektif dan menyeluruh. Negara-negara ini menunjukkan bahawa pendekatan berbentuk ujian visual dan interaktif lebih sesuai untuk penilaian MBPK, kerana ia memberikan kesan yang lebih mendalam terhadap pembelajaran murid berbanding dengan instrumen tradisional seperti senarai semak dan pemerhatian sahaja.

Isu seterusnya masalah yang dihadapi dalam pembangunan instrumen pengurusan diri adalah lantikan pakar dalam bidang pendidikan khas. Menurut Razalli (2017), pakar yang dilantik untuk membangunkan instrumen penilaian perlu mempunyai pengalaman lebih daripada 10 tahun dalam bidang pendidikan khas serta terlibat langsung dengan MBPK di sekolah rendah. Munirah (2020) turut menyatakan bahawa pemilihan pakar perlu bermula daripada guru yang mengajar secara langsung sehingga pegawai yang lebih tinggi, untuk memastikan instrumen yang dibangunkan adalah berkualiti tinggi dan relevan dengan konteks pendidikan khas. Isu ini penting kerana lantikan pakar yang tidak memenuhi syarat tersebut menyebabkan instrumen yang dibangunkan tidak sesuai dengan aras kognitif MBPK, dan kadangkala instrumen yang dibina terlalu sukar untuk dicapai oleh murid, mengakibatkan ketidaksesuaian antara penilaian yang dilaksanakan dan kemampuan sebenar murid.





Isu yang mempengaruhi pembangunan instrumen adalah kebolehpercayaan dan kesahan instrumen penilaian. Rahimah (2019) dalam kajiannya menegaskan bahawa apabila membangunkan instrumen penilaian, pengkaji perlu memastikan kebolehpercayaan item yang dibangunkan melalui kajian rintis. Kajian rintis adalah langkah penting untuk menilai sama ada item yang dibangunkan mempunyai kesahan yang tinggi dan dapat mengukur kemahiran murid secara tepat. Azmi (2020) menekankan bahawa instrumen yang dibangunkan perlu disesuaikan dengan kemampuan kognitif murid dan taksonomi Bloom yang digunakan untuk menentukan aras pembelajaran. Tanpa kajian rintis yang mendalam dan penyesuaian instrumen dengan aras taksonomi yang sesuai, terdapat risiko tinggi bahawa instrumen yang dibangunkan tidak akan dapat mengukur kemahiran pengurusan diri murid dengan tepat, khususnya dalam kalangan MBPK yang memerlukan penilaian yang lebih intensif dan menyeluruh.



Selain itu, isu ketidaktepatan dalam mengukur pencapaian murid menggunakan instrumen penilaian yang sedia ada. Kebanyakan instrumen yang digunakan oleh guru-guru di sekolah hari ini hanya mencakupi subtopik utama dalam kurikulum tanpa meliputi keseluruhan topik dalam DSKP. Zailah (2019) berpendapat bahawa instrumen penilaian perlu merangkumi keseluruhan kurikulum yang ditetapkan untuk memastikan penilaian yang lebih komprehensif dan tepat. Zainuddin (2020) menyokong pandangan ini dengan menyatakan bahawa penilaian yang menyeluruh akan membolehkan guru mengenal pasti kelemahan sebenar murid dan memberikan maklum balas yang lebih berfokus untuk membantu mereka menguasai kemahiran dengan lebih berkesan. Oleh itu, instrumen berbentuk ujian yang dapat menilai keseluruhan kandungan DSKP adalah penting untuk memastikan pencapaian murid diukur secara objektif dan





menyeluruh, serta untuk memastikan MBPK tidak terlepas pandang dalam aspek-aspek penting pengurusan diri.

Secara keseluruhannya, isu-isu ini menunjukkan bahawa terdapat keperluan mendesak untuk membangunkan instrumen pengurusan diri yang lebih menyeluruh, komprehensif, dan tepat. Instrumen ini haruslah berasaskan kepada KSSR Semakan 2017, menyesuaikan dengan kemampuan kognitif murid, serta menggunakan elemen visual untuk meningkatkan kefahaman murid MBPK dalam menguasai kemahiran pengurusan diri mereka. Kajian ini akan memberi impak besar terhadap peningkatan kualiti pendidikan khas, kerana ia akan membekalkan alat penilaian yang lebih berkesan dan relevan dengan keperluan semasa dalam pendidikan khas di Malaysia.



#### **1.4 Tujuan Kajian**

Tujuan kajian ini adalah untuk membangunkan instrumen penilaian yang lebih komprehensif dan mengenal pasti komponen utama dalam Instrumen Pengurusan Diri berdasarkan KSSR Semakan 2017 bagi Tahun 1, dengan fokus untuk menilai tahap penguasaan MBPK di negeri Johor. Kajian ini bertujuan untuk menyediakan alat penilaian yang lebih tepat, objektif, dan relevan, serta memastikan instrumen yang dibangunkan mampu mengukur kemahiran pengurusan diri MBPK dengan lebih berkesan. Di samping itu, kajian ini juga akan mengenal pasti kekuatan dan kelemahan dalam pelaksanaan instrumen tersebut di dalam konteks pendidikan khas, terutamanya di negeri Johor, untuk meningkatkan keberkesanan penilaian penguasaan kemahiran pengurusan diri MBPK.





## 1.5 Objektif Kajian

Objektif umum kajian ini adalah bertujuan untuk membangunkan instrumen Pengurusan Diri KSSR Tahun 1 Semakan 2017 dan menganalisis tahap penguasaan kemahiran pengurusan diri MBPK. Berikut merupakan objektif utama kajian ini di buat:-

1.5.1. Membangunkan komponen utama yang terdapat dalam Instrumen Pengurusan Diri KSSR Semakan 2017 Tahun 1.

1.5.2. Mengenal pasti komponen utama yang terdapat dalam Instrumen Pengurusan Diri KSSR Semakan 2017 Tahun 1.

1.5.3. Mengukur kesahan Instrumen Pengurusan Diri KSSR Semakan 2017 Tahun 1.

1.5.4. Mengukur kebolehpercayaan Instrumen Pengurusan Diri KSSR Semakan 2017 Tahun 1.

1.5.5. Menilai tahap penguasaan kemahiran pengurusan Diri Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK).





## 1.6 Persoalan Kajian

Berdasarkan kepada objektif kajian di atas, Kajian ini adalah untuk menjawab persoalan-persoalan kajian seperti berikut :-

- 1.6.1. Apakah cara membangunkan komponen utama yang terdapat dalam Instrumen Pengurusan Diri?
- 1.6.2. Apakah cara mengenal pasti komponen utama yang terdapat dalam Instrumen Pengurusan Diri?
- 1.6.3. Adakah tahap kesahan Instrumen Pengurusan Diri KSSR Semakan 2017 Tahun 1 tinggi?
- 1.6.4. Adakah tahap kebolehpercayaan Instrumen Pengurusan Diri KSSR Semakan 2017 Tahun 1 tinggi?
- 1.6.5. Adakah tahap penguasaan kemahiran pengurusan Diri Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) tinggi?



## 1.7 Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka konseptual kajian ini menggambarkan pembangunan Instrumen Pengurusan Diri berdasarkan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Semakan 2017 untuk MBPK di Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI). Instrumen ini bertujuan untuk menilai tahap penguasaan MBPK dalam pengurusan diri, yang merupakan sebahagian daripada mata pelajaran wajib dalam kurikulum mereka. Pembangunan instrumen ini





mengikuti model pembinaan ujian McIntire dan Miller (2007), yang melibatkan beberapa langkah penting:

- i. Mentakrifkan konstruk, serta menetapkan tujuan dan sasaran ujian.
- ii. Mereka bentuk ujian, yang meliputi pemilihan format ujian yang sesuai untuk MBPK.
- iii. Membina item ujian yang mengukur kemahiran pengurusan diri secara tepat dan sesuai dengan tahap kemampuan murid.
- iv. Menyediakan arahan pentadbiran dan penskoran ujian agar ujian dapat dilaksanakan dengan mudah dan konsisten.
- v. Mengendalikan ujian rintis untuk mengenal pasti sebarang masalah atau kekangan dalam pelaksanaan ujian.
- vi. Melakukan analisis item untuk menilai kesesuaian setiap item ujian terhadap konstruk yang diukur.
- vii. Menyemak ujian berdasarkan hasil analisis untuk memastikan kecekapan instrumen.
- viii. Mengujikan kesahan dan kebolehpercayaan ujian, bagi memastikan instrumen ini boleh memberikan keputusan yang sahih dan konsisten.

Kajian ini juga merujuk kepada Model Kurikulum Tyler (1987), yang menekankan objektif pendidikan sebagai panduan dalam pembangunan instrumen penilaian. KSSR Semakan 2017 menjadi asas utama dalam merangka konstruk yang akan diukur oleh instrumen ini. Analisis kandungan akan digunakan untuk mengenal pasti konstruk utama yang perlu dibangunkan dalam instrumen ini, berdasarkan dokumen kurikulum tersebut.






Pembolehubah kajian ini melibatkan MBPK yang mengikuti kurikulum pengurusan diri berdasarkan KSSR Semakan 2017 tahun 1 dalam pembelajaran di PPKI. Dengan pembangunan instrumen ini, diharapkan dapat memperkukuhkan kesediaan guru dalam mengajar MBPK, serta memberikan asas yang kukuh untuk menilai pencapaian penguasaan murid dalam kemahiran pengurusan diri.

Instrumen pengurusan diri yang dibangunkan ini bertujuan untuk memberikan peluang dan ruang bagi MBPK untuk menguasai kemahiran asas yang akan meningkatkan keupayaan mereka dalam menjalani kehidupan seharian. Dengan adanya instrumen ini, MBPK di PPKI dapat diberikan pendidikan yang lebih berkualiti dan relevan serta dapat diaplikasikan dalam kehidupan mereka kelak.



### Rajah 1.1

*Kerangka Konseptual kajian diubahsuai melalui Model Pembinaan Instrumen Mc Intire dan Miller (2007)*





### 1.7.1. Rasional Pemilihan Model Instrumen Mc Intire dan Miller (2007) Sebagai Asas Kerangka Konseptual Kajian

Pengkaji berpendapat bahawa Model Instrumen McIntire dan Miller (2007) adalah model yang sesuai digunakan sebagai asas dalam kerangka konseptual kajian ini. Model ini melibatkan kaedah *Research and Development* (R&D), yang berfokus pada pembangunan dan penilaian mata pelajaran pengurusan diri melalui kaedah ujian. Selain itu, model ini juga memberi penekanan kepada pembangunan instrumen yang bertujuan untuk menghasilkan kesan jangka panjang serta penambahbaikan berterusan dalam kurikulum (Rohana, 2014).

Berdasarkan model ini, ia lebih komprehensif dan memberi penjelasan yang jelas mengenai bagaimana proses pembangunan instrumen dapat menyumbang kepada proses kurikulum yang dinilai (Nor Hayati, 2013). Model McIntire dan Miller (2007) bukan sahaja memberi penekanan kepada aspek pembangunan instrumen, tetapi juga menekankan keberkesanan dalam memastikan instrumen yang dibangunkan dapat memenuhi keperluan dan tujuan pendidikan yang jelas. Menurut Zakaria (2012), terdapat tiga rasional utama yang menjelaskan mengapa Model Instrumen McIntire dan Miller (2007) ini sesuai digunakan untuk menilai sesuatu kurikulum:

- i. Model Instrumen Mc Intire dan Miller (2007) ini dapat membina konstruk-  
konstruk untuk dijadikan elemen penting dalam pembangunan instrumen kajian
- ii. Model ini juga dapat mengenal pasti dan menentukan konstruk serta pemboleh  
ubahnya untuk dibentuk item penilaian di dalam instrumen kajian.





- iii. Model ini menggunakan pengesahan pakar dalam membuat kesahan dan kebolehpercayaan kepada item penilaian yang telah dibuat sama ada dibuang, diubah atau dikekalkan item tersebut di dalam instrumen yang dibangunkan.

Kesimpulannya, Model McIntire & Miller (2007) adalah salah satu model yang terbaik untuk membangunkan instrumen berbentuk ujian, kerana ia mampu menghasilkan dapatan yang komprehensif dan teratur. Proses pembangunan instrumen yang dilakukan mengikut model ini akan memberikan penjelasan yang jelas mengenai spesifikasi yang boleh dinilai. Menurut *Phi Delta Kappa National Study Committee of Evaluation*, pembangunan instrumen ini bukan sahaja penting dalam menjelaskan dan memperoleh maklumat berguna, tetapi juga dalam penentuan keputusan yang dikaji (Lee, 2004). Kennedy (2009) turut menekankan bahawa Model McIntire dan Miller (2007) amat berguna dalam usaha meningkatkan keberkesanan program mengikut persepsi murid yang telah mengikuti program tersebut, khususnya dalam menilai kualiti sesuatu kurikulum yang dilaksanakan di sekolah.

## 1.8 Kepentingan Kajian

Dapatan kajian ini memberikan gambaran yang jelas mengenai sama ada pelaksanaan Pengurusan Diri Semakan 2017 yang dijalankan di sekolah rendah dalam Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) telah mencapai matlamat dan objektif yang dihasratkan. Melalui penilaian dan pembangunan instrumen, kajian ini mengukur sejauh mana matlamat penguasaan pengurusan diri yang dirancang dapat dicapai oleh MBPK. Hasil kajian ini tidak hanya memberi maklumat mengenai tahap keberkesanan pelaksanaan KSSR Semakan 2017 tetapi juga dapat menjadi panduan dan asas kepada





pengurusan kurikulum di Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Bahagian Pendidikan Khas (BPK), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), sekolah, guru-guru, serta agensi yang terlibat dalam meningkatkan lagi pelaksanaan Kurikulum Pendidikan Khas yang telah dijalankan sejak 2017.

Kajian ini juga memainkan peranan penting dalam meningkatkan keberkesanan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) dalam pendidikan khas, khususnya dalam PPKI. Dengan adanya instrumen penilaian yang lebih sesuai, guru pendidikan khas dapat menilai kemahiran MBPK dengan lebih tepat dan objektif, seterusnya memberi panduan yang lebih jelas dalam merancang strategi pengajaran mereka. Hal ini akan meningkatkan kompetensi pengajaran guru, memastikan mereka lebih bersedia untuk mengajar kemahiran pengurusan diri secara efektif. Kajian ini juga dapat memperbaiki kualiti pengajaran dalam bilik darjah dan memastikan murid mendapat pembelajaran yang lebih bermakna.

Selain itu, kajian ini menyumbang kepada pembangunan kurikulum pendidikan khas yang lebih holistik dan relevan dengan keperluan semasa MBPK. Dengan merujuk kepada KSSR Semakan 2017, kajian ini memastikan bahawa pengajaran dan penilaian dalam pendidikan khas selari dengan kurikulum kebangsaan yang disemak. Ia juga memberikan cadangan untuk penambahbaikan kurikulum Pengurusan Diri, yang boleh diterapkan dalam kurikulum pendidikan khas untuk menjadikannya lebih relevan dan efektif. Ini juga memberi panduan strategik untuk meningkatkan kualiti kurikulum pendidikan khas, dengan memberi penekanan kepada pengajaran kemahiran hidup yang penting bagi MBPK.





Dapatan kajian ini turut memberi impak dalam dasar pendidikan khas dan pendidikan inklusif di Malaysia. Kajian ini memberikan maklumat yang mendalam mengenai cabaran-cabaran yang dihadapi oleh MBPK dalam penguasaan pengurusan diri, yang dapat dijadikan asas kepada pihak pembuat dasar untuk merancang dasar pendidikan khas yang lebih berkesan dan relevan. Kajian ini juga berpotensi untuk memberi sumbangan kepada pendidikan inklusif di Malaysia, dengan memberi cadangan yang berguna kepada KPM dan agensi-agensi berkaitan untuk meningkatkan sistem pendidikan khas secara keseluruhan. Melalui kajian ini, pihak KPM dapat merangka dasar yang lebih berkesan dalam memenuhi keperluan pendidikan MBPK di seluruh negara.

Kajian ini juga memberi sumbangan penting dalam pembangunan profesionalisme guru pendidikan khas. Berdasarkan dapatan kajian ini, pihak KPM, JPN, dan PPD dapat merancang dan melaksanakan kursus latihan dalam perkhidmatan yang lebih berkesan bagi guru-guru pendidikan khas. Kursus ini bertujuan untuk meningkatkan kompetensi mereka dalam pengajaran kemahiran pengurusan diri, yang sangat penting untuk MBPK. Selain itu, kajian ini membuka peluang bagi pihak KPM untuk meningkatkan kualiti pendidikan dengan menyediakan peluang biasiswa persekutuan kepada guru untuk melanjutkan pelajaran di peringkat ijazah sarjana, sejajar dengan hasrat KPM sejak 2010 untuk meningkatkan taraf pendidikan guru di sekolah-sekolah majoriti agar memiliki ijazah sarjana (KPM, 2012).

Kajian ini juga memberi impak yang signifikan kepada kajian-kajian pendidikan khas di peringkat antarabangsa. Dapatan kajian ini akan memperkaya literatur tentang pembangunan instrumen penilaian bagi MBPK dan memberikan perspektif baru





mengenai cara mengukur penguasaan kemahiran pengurusan diri. Kajian ini dapat memberi sumbangan kepada persoalan global mengenai bagaimana pendidikan khas boleh diperbaiki dan disesuaikan dengan perkembangan semasa dalam bidang pendidikan. Dengan pendekatan yang lebih komprehensif, kajian ini berpotensi untuk memperkaya kajian pendidikan khas di peringkat antarabangsa, terutamanya dalam konteks penilaian penguasaan kemahiran oleh MBPK.

Secara keseluruhannya, kajian ini memberi impak yang besar terhadap kualiti pendidikan khas di Malaysia. Dengan pembangunan instrumen penilaian yang lebih tepat dan relevan, kajian ini memberikan sumbangan kepada pengajaran dan pembelajaran, pembangunan kurikulum, serta pembangunan profesional guru pendidikan khas. Kajian ini juga memberikan panduan yang lebih jelas dalam meningkatkan kualiti pendidikan khas dan membuka peluang yang lebih baik bagi MBPK dalam menguasai kemahiran pengurusan diri yang penting untuk kehidupan mereka.

## 1.9 Skop Kajian

Skop kajian ini terhad kepada Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) yang mengikuti Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Semakan 2017 tahun 1, khususnya dalam mata pelajaran Pengurusan Diri. Kajian ini melibatkan 11 daerah di negeri Johor, yang mewakili sampel yang terdiri daripada sekolah-sekolah yang menawarkan Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) di kawasan tersebut. Fokus kajian adalah untuk menilai tahap penguasaan MBPK dalam kemahiran pengurusan diri





yang diajar melalui KSSR Semakan 2017, dengan mengambil kira instrumen penilaian yang dibangunkan dalam kajian ini.

Dengan menetapkan 11 daerah sebagai kawasan kajian, kajian ini bertujuan untuk memastikan bahawa sampel yang terlibat mewakili pelbagai jenis sekolah rendah di negeri Johor yang mempunyai Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI), bagi mendapatkan gambaran yang lebih menyeluruh mengenai keberkesanan pelaksanaan pengajaran pengurusan diri dalam kalangan MBPK.

Skop kajian ini juga terhad kepada aspek pengurusan diri dalam konteks kurikulum KSSR tahun 1, tanpa melibatkan aspek lain dalam KSSR Semakan 2017 atau program pendidikan khas di peringkat lain. Oleh itu, kajian ini tidak merangkumi murid dari daerah luar Johor atau dari peringkat persekolahan selain murid PPKI yang menggunakan kurikulum KSSR tahun 1 dalam mata pelajaran Pengurusan Diri.

### **1.10 Batasan Kajian**

Kajian ini bertujuan untuk membangunkan Instrumen Pengurusan Diri berdasarkan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Semakan 2017 tahun 1, yang berbentuk kajian deskriptif dengan menggunakan kaedah pembangunan instrumen berbentuk ujian. Proses pembangunan instrumen ini disokong oleh Model Pembinaan Instrumen Mc Intire dan Miller (2007) sebagai kerangka asas, serta Model Kurikulum Tyler (1987) sebagai asas tambahan dalam membangunkan instrumen pengurusan diri. Namun, terdapat beberapa batasan dalam kajian ini yang perlu diambil kira.





Pertama, kajian ini hanya melibatkan Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) di sekolah rendah dalam negeri Johor, dengan tumpuan kepada 11 daerah yang terlibat. Oleh itu, dapatan kajian ini tidak dapat digeneralisasikan kepada PPKI di luar negeri Johor, atau kepada MBPK di peringkat sekolah menengah. Ini bermakna, kajian ini hanya memberi gambaran mengenai keberkesanan pembangunan instrumen pengurusan diri bagi murid tahun 1 di peringkat sekolah rendah, dan tidak dapat digunakan untuk membandingkan dengan kajian pembangunan instrumen di sekolah menengah.

Kedua, kajian ini menghadapi beberapa kekangan yang di luar kawalan pengkaji, seperti kesuntukan masa dan kewangan, yang membatasi jumlah sampel yang terlibat serta skop kajian yang hanya tertumpu pada MBPK yang terlibat dengan Kurikulum Pengurusan Diri Semakan 2017 di 11 daerah tersebut. Selain itu, hasil kajian ini hanya merangkumi sampel yang terbatas dan tidak boleh digunakan untuk membuat perbandingan dengan kajian yang lebih luas di peringkat sekolah menengah atau negeri lain di Malaysia.

Secara keseluruhannya, batasan kajian ini mempengaruhi sejauh mana dapatan kajian boleh digeneralisasikan atau dibandingkan dengan kajian yang melibatkan peringkat atau kawasan lain, serta kajian yang melibatkan jenis instrumen atau tahap pendidikan yang berbeza.





## 1.11 Definisi Operasional

Definisi operasional bertujuan memberikan penjelasan yang jelas, praktikal, dan spesifik mengenai pemboleh ubah yang digunakan dalam kajian ini, berdasarkan cara ia diukur atau dioperasikan dalam konteks penyelidikan. Dalam kajian ini, beberapa pemboleh ubah utama yang dijelaskan adalah Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK), Instrumen Pengurusan Diri, Kurikulum KSSR Semakan 2017, Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI), dan kaedah pembangunan instrumen berbentuk ujian.

### 1.11.1 Pembangunan Instrumen Pengurusan Diri



Pembangunan instrumen dalam kajian ini merujuk kepada proses sistematik dalam mencipta alat penilaian yang dirancang untuk mengukur penguasaan kemahiran pengurusan diri oleh MBPK dalam Kurikulum KSSR Semakan 2017 tahun 1. Instrumen ini dibangunkan untuk menilai penguasaan murid dalam aspek pengurusan diri yang merangkumi kebersihan diri, penjagaan peralatan peribadi, pengurusan masa, serta kemahiran sosial. Pembangunan instrumen ini melibatkan beberapa langkah utama yang merangkumi penetapan konstruk, pembangunan item ujian, pengesahan pakar, serta ujian kesahan dan kebolehpercayaan instrumen yang dibangunkan.

Menurut Muzafar dan Marina (2011), pembangunan instrumen memerlukan kesahan dan kebolehpercayaan yang kuat melalui penglibatan pakar dalam bidang yang dikaji. Ini memastikan instrumen yang dihasilkan mampu mengukur kemahiran dengan





tepat dan konsisten. Fingerman dan Smith (2013) juga menyatakan bahawa pembangunan instrumen bukan sahaja melibatkan aspek teknikal, tetapi juga perubahan sosial yang membawa peningkatan kualiti hidup dan penglibatan komuniti dalam menentukan tujuan pendidikan. Dalam konteks ini, instrumen pengurusan diri yang dibangunkan akan menilai keberkesanan Kurikulum Pengurusan Diri dalam meningkatkan kemahiran pengurusan diri MBPK mengikut tahap kemampuan mereka. Oleh itu, pembangunan instrumen ini adalah elemen penting dalam mencapai objektif kajian yang bertujuan meningkatkan penguasaan kemahiran pengurusan diri MBPK.

### 1.11.2 Pelaksanaan Kurikulum Pengurusan Diri

Pelaksanaan kurikulum dalam kajian ini merujuk kepada proses perubahan dalam sistem pendidikan yang memperkenalkan pendekatan baru dan menstrukturkan semula kurikulum untuk memenuhi keperluan semasa, terutamanya dalam konteks pendidikan khas. Nor Asimah (2019) menyatakan bahawa kejayaan pelaksanaan kurikulum bergantung kepada kemampuannya untuk membawa perubahan yang nyata dan menstrukturkan semula program yang ada, dengan melibatkan semua pihak dalam pelaksanaan yang berkesan.

Dalam kajian ini, pelaksanaan kurikulum merujuk kepada Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Semakan 2017 tahun 1, khususnya mata pelajaran Pengurusan Diri, yang dilaksanakan di Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) di sekolah rendah. Menurut Zawawi (2017), pelaksanaan kurikulum harus merujuk kepada standard kurikulum yang dikeluarkan oleh KPM dan diterjemahkan dalam bilik darjah





oleh guru-guru pendidikan khas yang mempunyai kemahiran tinggi. Nurul (2018) pula menekankan bahawa kejayaan pelaksanaan kurikulum bergantung kepada kompetensi guru dalam menyampaikan pengajaran dengan berkesan, yang turut mempengaruhi penguasaan kemahiran oleh MBPK. Oleh itu, kajian ini memfokuskan bagaimana PPKI di negeri Johor mengaplikasikan KSSR Semakan 2017 dalam mengajar kemahiran pengurusan diri kepada MBPK.

### 1.11.3 Kemahiran Pengurusan Diri

Kemahiran Pengurusan Diri merujuk kepada kebolehan dan kemampuan MBPK dalam menguasai kemahiran yang terkandung dalam Kurikulum KSSR Semakan 2017 tahun 1, khususnya dalam mata pelajaran Pengurusan Diri. Kemahiran pengurusan diri ini meliputi beberapa komponen utama seperti:

- i. Kemahiran sendiri,
- ii. Kebersihan, kesihatan dan keselamatan,
- iii. Penggunaan tandas dan bilik mandi,
- iv. Pengurusan tempat tinggal, dan
- v. Adab dan tatasusila.

Menurut Mahfuzah (2016), kemahiran pengurusan diri adalah aspek kritikal dalam membentuk individu yang mampu menguruskan diri mereka tanpa bergantung kepada bantuan orang lain. Kemahiran ini bukan sahaja mempengaruhi kebersihan diri dan kesihatan, tetapi juga memperkukuhkan kemahiran sosial yang sangat penting bagi





MBPK dalam kehidupan seharian mereka. Kurikulum KSSR Semakan 2017 bertujuan untuk membentuk penguasaan kemahiran motor halus dan motor kasar melalui pengajaran praktikal yang berfokus pada kemahiran pengurusan diri.

Sebagai contoh, kemahiran motor halus merangkumi kemampuan MBPK untuk melaksanakan aktiviti seperti mengikat tali kasut atau menulis dengan baik yang perlu dipraktikkan dalam kehidupan seharian mereka. Kemahiran motor kasar pula, melibatkan aktiviti yang lebih luas seperti berjalan, berlari, atau melakukan pergerakan fizikal yang lebih besar. Kebolehpindahan kemahiran dari kurikulum ke kehidupan harian adalah objektif utama kajian ini, yang bertujuan memastikan kemahiran pengurusan diri yang dipelajari di sekolah dapat diaplikasikan dengan berkesan dalam kehidupan seharian MBPK.



#### **1.11.4 Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK)**

Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) merujuk kepada murid yang mengalami masalah pembelajaran serta mempengaruhi kebolehan mereka dalam menerima, memproses maklumat, dan menyelesaikan masalah mengikut usia mereka. Masalah pembelajaran ini boleh disebabkan oleh gangguan kognitif, seperti kerencatan akal, Disleksia, Sindrom Down, Austisme, ADHD, serta masalah pembelajaran spesifik yang lain.

Menurut Kod Amalan Pendidikan Murid Berkeperluan Pendidikan Khas, Bahagian Pendidikan Khas (2015), masalah pembelajaran termasuk kesukaran dalam





mendengar, bercakap, menulis, serta menyelesaikan masalah matematik. Ghazali (2016) menegaskan bahawa murid yang mengalami masalah pembelajaran mempunyai kesukaran nyata dalam proses kognitif mereka, yang menghalang mereka untuk mencapai tahap penguasaan yang setara dengan rakan sebaya mereka. *The National Joint Committee on Learning Disabilities* (NJCLD, 1990) juga menyatakan bahawa MBPK ini menghadapi kesulitan emosi yang memberi impak besar terhadap pembelajaran mereka.

Dalam kajian ini, MBPK merujuk kepada murid yang ditempatkan dalam Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) di sekolah-sekolah rendah dan mengikuti Kurikulum KSSR Semakan 2017 tahun 1. Murid ini turut mengambil mata pelajaran Pengurusan Diri sebagai asas dalam mengembangkan kemahiran motor halus dan motor kasar mereka, serta meningkatkan penguasaan mereka dalam kemahiran pengurusan diri.

#### **1.11.5 Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI)**

Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) adalah satu pendekatan dalam pendidikan yang menekankan integrasi MBPK ke dalam kelas biasa, sambil menyediakan sokongan tambahan melalui guru-guru terlatih dalam pendidikan khas. PPKI bertujuan untuk memberi peluang kepada MBPK untuk menerima pembelajaran dalam persekitaran pendidikan biasa, dengan penyesuaian tertentu yang menyokong perkembangan pengurusan diri mereka, selaras dengan kurikulum KSSR Semakan 2017. Program ini memastikan MBPK tidak terasing dari pengalaman pendidikan arus





perdana, sambil memberi mereka akses kepada sokongan yang lebih khusus dalam menguasai kemahiran pengurusan diri yang diperlukan dalam kehidupan seharian.

Menurut Siti Zuraidah dan Fatimah (2018), PPKI memberi fokus kepada pendekatan yang lebih terperinci untuk memastikan MBPK memperoleh kemahiran yang disasarkan dalam persekitaran kelas biasa. Pendekatan ini membolehkan murid berinteraksi dengan rakan sebaya mereka, sambil menerima sokongan yang diperlukan untuk membangunkan kemahiran pengurusan diri mereka. Ini seterusnya, membantu mereka dalam mengaplikasikan kemahiran tersebut dalam kehidupan harian mereka, seperti kebersihan diri, pengurusan masa, dan kemahiran sosial.

Dalam konteks kajian ini, PPKI bukan sahaja memberi fokus kepada aspek akademik, tetapi juga memainkan peranan dalam memperkembangkan kemahiran pengurusan diri MBPK melalui penyelarasan pengajaran yang lebih inklusif dan disesuaikan dengan keperluan setiap murid. Seperti yang dinyatakan oleh Norhashimah (2020), kejayaan PPKI bergantung kepada kaedah pedagogi yang tepat serta penglibatan aktif dari guru dan ibu bapa dalam menyokong perkembangan MBPK. Pendekatan ini memberikan ruang bagi murid untuk mempelajari kemahiran penting yang akan membantu mereka menguruskan diri mereka dengan lebih efektif, terutamanya dalam aspek kebersihan diri dan pengurusan sosial.





### 1.11.6 Kebolehpindahan Kemahiran

Kebolehpindahan kemahiran merujuk kepada kemampuan MBPK untuk memindahkan dan mengaplikasikan kemahiran pengurusan diri yang telah dipelajari dalam kurikulum pengurusan diri ke dalam kehidupan harian mereka. Kebolehpindahan ini adalah kunci untuk memastikan bahawa kemahiran yang diperoleh dalam pengajaran di sekolah boleh digunakan secara praktikal dalam situasi kehidupan sebenar, seperti penjagaan diri, pengurusan masa, pengurusan kebersihan, dan interaksi sosial.

Pillay et al. (2017) menjelaskan bahawa kebolehpindahan kemahiran ini memerlukan kesedaran dan latihan praktikal yang berterusan bagi memastikan kemahiran yang dipelajari di dalam kelas dapat diaplikasikan di luar bilik darjah. Dalam konteks MBPK, proses kebolehpindahan kemahiran ini sangat penting untuk memastikan mereka dapat menguruskan diri mereka dengan berkesan tanpa perlu bergantung kepada bantuan orang lain dalam kehidupan seharian mereka. Kemahiran pengurusan diri yang dipelajari dalam Kurikulum KSSR Semakan 2017 di sekolah perlu dipindahkan ke dalam kehidupan harian, dengan memfokuskan kepada penguasaan aktiviti asas seperti menjaga kebersihan diri, makan, berpakaian, dan menjaga persekitaran.

### 1.11.7 Peningkatan Tahap Penguasaan Pengurusan Diri

Peningkatan tahap penguasaan pengurusan diri merujuk kepada perkembangan dalam keupayaan MBPK untuk menguasai kemahiran pengurusan diri yang penting dalam





melibatkan aktiviti harian seperti kebersihan diri, pengurusan masa, dan kemahiran sosial. Kemahiran ini menjadi asas kepada kebebasan dan keupayaan individu untuk menguruskan kehidupan mereka tanpa bergantung sepenuhnya kepada orang lain. Peningkatan tahap penguasaan ini dilihat melalui perubahan yang signifikan dalam amalan harian murid selepas terlibat dalam pengajaran dan pembelajaran yang sistematik.

Menurut Osman dan Siti Haslina (2015), penguasaan pengurusan diri adalah indikator penting dalam perkembangan peribadi MBPK. Penguasaan ini mencakupi pelbagai dimensi seperti kemahiran sendiri, kebersihan diri, dan pemahaman terhadap keperluan sosial yang mendalam. Dalam konteks pendidikan khas, peningkatan kemahiran ini tidak hanya berkisar pada penguasaan kemahiran praktikal, tetapi juga memperkukuhkan keupayaan murid untuk berinteraksi dengan orang lain dalam masyarakat.

Kajian oleh Teo et al. (2019) menunjukkan bahawa kebolehpindahan kemahiran pengurusan diri dari bilik darjah ke dalam kehidupan harian bergantung kepada latihan yang berterusan dan pembelajaran praktikal. Dalam kajian ini, peningkatan tahap penguasaan pengurusan diri MBPK akan diukur melalui alat pengukuran yang dibangunkan, dengan memberi tumpuan kepada kemahiran asas yang diaplikasikan dalam kehidupan seharian mereka, seperti menjaga kebersihan diri, menguruskan masa, dan berinteraksi dalam situasi sosial.





## 1.12 Rumusan

Kajian ini bertujuan untuk membangunkan Instrumen Pengurusan Diri yang sesuai bagi Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) dalam Kurikulum KSSR Semakan 2017 tahun 1, khususnya dalam mata pelajaran Pengurusan Diri. Proses pembangunan instrumen ini adalah kritikal untuk mengukur sejauh mana kemampuan MBPK dalam memahami dan menguasai kemahiran pengurusan diri yang terkandung dalam kurikulum tersebut. Instrumen yang dibangunkan akan memberikan penilaian objektif dan terperinci terhadap tahap penguasaan murid, sekali gus memastikan bahawa kemahiran pengurusan diri yang diajar dapat diaplikasikan dalam kehidupan seharian mereka.

Kajian ini juga berfokus pada penambahbaikan berterusan dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) di Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI), dengan transformasi penilaian yang lebih komprehensif, untuk memberikan gambaran yang lebih jelas mengenai pencapaian MBPK sebelum mereka melangkah ke kurikulum tahun 2. Penilaian yang lebih sistematik dan objektif ini diharap dapat meningkatkan kualiti pendidikan khas, memberi manfaat kepada MBPK dalam mengaplikasikan kemahiran yang dipelajari untuk berdikari.

Selain itu, hasil kajian ini memberi sumbangan penting kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam menyusun dasar-dasar pendidikan khas yang lebih inklusif dan relevan dengan keperluan MBPK, serta memastikan bahawa kemahiran pengurusan diri dapat diteruskan ke peringkat pendidikan seterusnya. Dengan membangunkan instrumen yang lebih objektif dan berkesan, kajian ini berhasrat untuk memperkenalkan transformasi dalam sistem penilaian, yang membolehkan murid





menunjukkan pencapaian mereka dengan lebih tepat serta memberikan peluang yang lebih baik bagi peningkatan penguasaan kemahiran dalam kehidupan harian.

Secara keseluruhan, kajian ini merangkumi aspek-aspek utama dalam pendidikan khas, termasuk latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, kerangka konseptual, kepentingan kajian, batasan kajian, dan definisi operasional kajian. Hasil daripada kajian ini akan memperkaya literatur pendidikan khas, serta memberi kesan langsung kepada pengajaran pengurusan diri dan penilaian pencapaian murid pendidikan khas, dengan memberi asas untuk penambahbaikan berterusan dalam sistem pendidikan khas di Malaysia.

